



BENDUNG GEJALA RASUAH

Oleh Nisha a/p Haridas, SMJK Hwa Lian, Mentakab, Pahang.

RASUAH bermaksud wang diberikan kepada pihak lain untuk menyembunyikan sesuatu perkara atau untuk mendapatkan sesuatu barangan dengan mudah dan cepat tetapi salah di sisi undang-undang negara. Era digital kini menyaksikan pertumbuhan amalan rasuah yang merupakan satu penyakit sosial yang agak serius hingga boleh meranapkan kegawatan ekonomi negara.

Semua pihak akan gusar sekiranya amalan ini menjadi satu budaya yang diwarisi. Tiada penyakit yang tiada penawarnya, maka langkah yang konkrit dan sistematik harus dijalankan secara berterusan agar masalah ini dapat dibasmi. Persoalannya, apakah usaha yang perlu dilakukan untuk mencegah gejala rasuah di negara kita? Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) diberikan tanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia agar penularan amalan rasuah di negara ini dapat dikurangkan. Pegawai SPRM sentiasa memberikan komitmen yang tinggi semasa menyiasat kes rasuah.

Gejala rasuah juga dapat ditangani sekiranya media massa memainkan peranan mereka. Media massa yang terdiri daripada media cetak seperti surat khabar dan majalah, serta media elektronik seperti televisyen, hendaklah menyiarkan kes rasuah dan kesannya sekiranya

gejala ini diamalkan. Secara tidak langsung, masyarakat akan mendapat kesedaran tentang betapa bahayanya jika mereka mengamalkan amalan rasuah. Hal ini dikatakan demikian kerana gejala rasuah akan menjatuhkan nama baik serta imej negara dan diri. Lagipun, media massa merupakan media perdana yang mampu mempengaruhi pemikiran masyarakat tentang sesuatu perkara.

Ibu bapa juga mestilah menyemai sikap membenci rasuah dalam kalangan anak-anak sejak kecil lagi seperti kata pepatah, "Melentur buluh biarlah dari rebungnya". Didikan agama dan moral amat penting untuk anak-anak bagi memantapkan iman dan mengukuhkan jati diri. Lagipun, didikan agama dan moral yang mencukupi dapat membantu seseorang itu untuk membezakan perkara yang baik dan yang tidak baik. Di samping itu, ibu bapa haruslah sentiasa menasihati anak-anak supaya menjauhkan diri daripada amalan rasuah.

Kesimpulannya, barah penyakit sosial ini kian parah umpama tumor yang tumbuh tanpa rawatan rapi. Semua pihak mestilah menggembleng tenaga dan berganding bahu serta memainkan peranan yang signifikan untuk menangani isu rasuah hingga ke akar umbinya. Semoga gejala rasuah dapat ditangani sebelum nasi menjadi bubur. ds